

BH ms 2 18/07/2019

**Shah Alam:** "Usaha Kementerian Pendidikan mewujudkan Perantisan Industri menengah Atas (PIMA) memang bagus, malah perlu diperluaskan membabitkan lebih banyak sekolah dan industri kerana mampu melahirkan pelapis berkemahiran tinggi," kata pemilik Raudhah Rich Auto Services, Mohammad Aries Nordin.

Bengkel terletak di Seksyen 23, di sini, adalah antara pusat membaiki dan menyelenggara kenderaan profesional yang menjalinkan kerjasama dengan PIMA untuk menerima dua peserta program menjalani kemahiran teknikal automotif di situ.

Mohammad Aries berkata, bagi memenuhi keperluan PIMA, beliau menyediakan jadual kerja dan pengisian tugas khusus untuk peserta itu sejak awal hingga

## PIMA lahir generasi muda berkemahiran

tamat program terbabit hujung tahun ini.

Katanya, sepanjang program, beliau memfokuskan kepada tiga bentuk pengajaran iaitu teori, praktikal dan komunikasi untuk melengkapkan ilmu sebagai seorang mekanik berkemahiran tinggi.

"Mereka didedahkan pada hari pertama dengan asas yang perlu diketahui seorang pekerja bengkel iaitu mementingkan disiplin, menepati masa, menangani pelanggan, memberi fokus ketika bekerja, jenis alatan, fungsi penggunaan, susun atur dan masalah dialami kenderaan.



Encik Mohammad Aries Nordin

"Pada hari seterusnya, mereka mula diajar pelbagai kemahiran baik pulih, termasuk bagaimana mengenali masalah dan cara

mengatasinya," katanya ketika ditemui BH Skor

Mengulas kesediaannya mengadakan kerjasama untuk PIMA, Mohammad Aries berkata, tindakannya itu bagi membantu melahirkan pelapis berpengertianan luas, memenuhi minat individu terhadap bidang kemahiran dan menggalakkan sektor automotif negara.

Objektif pelaksanaan PIMA untuk menggalakkan kemahiran generasi muda sejak awal usia dan pengiktirafan sijil diberikan membuatkan beliau yakin program itu mampu membantu lepasannya mencipta kerjaya cerah atau mene-

ruskan pengajian pada tahap lebih tinggi di institusi berkaitan.

Disebabkan itu, katanya, selepas menerima permohonan dari pada pengurusan SMK Seksyen 19 yang dipimpin Pengetuaanya, Puan Putri Roslawati Hashim, beliau menyambut baik dan berusaha memberikan kerjasama terbaik.

"Saya berharap PIMA diteruskan bagi membantu melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera, termasuk pengusaha bengkel kenderaan, malah kerjaya dalam bidang automotif mempunyai masa depan cerah kerana jumlah kenderaan yang semakin bertambah saban tahun," katanya.